

PENCEGAHAN PENYAKIT BERJANGKIT (COVID 19) DAN PERANAN PELBAGAI PIHAK DALAM MENANGANINYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

PREVENTION OF INFECTIOUS DISEASE (COVID 19) AND THE ROLE OF VARIOUS PARTIES IN AVOIDING IT ACCORDING TO THE ISLAMIC PERSPECTIVE

Shafiza Safie ¹

Zulkifli Mohamed ²

Noor Marini Abdullah ³

Roliza Md Yasin ⁴

Abdul Rashid Zakaria ⁵

¹ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, (E-mail: shafizasafie@uitm.edu.my)

² Profesor Madya di Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, (E-mail: zulkifli030@uitm.edu.my)

³ Pensyarah Kanan, Fakulti Perakuanan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, (E-mail: marini535@uitm.edu.my)

⁴ Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Komputer Dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, (E-mail: roliza927@uitm.edu.my)

⁵ Pensyarah, Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, (E-mail: rashid568@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 14-11-2021

Revised date : 15-11-2021

Accepted date : 4-1-2022

Published date : 15-3-2022

To cite this document:

Shafiza, S., Zulkifli, M., Noor Marini, A., Roliza, M. Y., & Abdul Rashid, Z. (2022). Pencegahan Penyakit Berjangkit (Covid 19) dan Peranan Pelbagai Pihak dalam Menanganinya Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 5 (10), 1 - 12.

Abstrak: Penyakit Covid 19 walaupun masih baru namun dalam Islam telah lama wujud penyakit sedemikian yang melibatkan ramai manusia terkorban. Namun begitu langkah pencegahan sebagaimana yang diajarkan oleh Islam dan peranan pelbagai pihak masih lagi menjadi perdebatan. Justeru kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana cara yang diambil oleh Islam dalam usaha menangani penyakit sedemikian dari terus menular dan membahayakan manusia seterusnya meneliti peranan yang dimainkan oleh semua pihak dalam menanganinya sepertimana yang dianjurkan oleh Islam. Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif dengan menggunakan metode pengumpulan data melalui kepustakaan manakala analisis dokumen digunakan bagi metode analisis data. Hasil kajian menunjukkan bahawa agama Islam sememangnya agama yang memberi panduan terbaik buat umat manusia termasuk juga dalam mendepani wabak berbahaya seperti Covid 19 dengan membawakan dalil-dalil dari sumber Islam sebagai panduan termasuk langkah pencegahan serta semua pihak juga dilihat sedaya mampu mengambil langkah pencegahan agar penyakit ini dapat dielakkan seterusnya dihentikan. Peranan yang diambil oleh semua pihak juga selari dengan ajaran Islam dalam mendepani wabak Covid 19 ini.

Kata Kunci: *Covid 19, Islam, Pihak, Langkah, Pencegahan*

Abstract: *Covid 19 disease although still new but in Islam there was long been such a disease that involves many human deaths. However, preventive measures as advocated by Islam and the role of various parties are still under debate. Therefore, this study aims to see the extent to which the way taken by Islam in an effort to deal with such diseases from continuing to spread and harm humans and then examine the role played by all parties in dealing with it as organized by Islam. The design of this study is qualitative by using data collection method through the library while document analysis is used for data analysis method. The results show that Islam is the religion that provides the best guidance for mankind, including in facing dangerous epidemics such as Covid 19 by bringing evidence from Islamic sources as a guide, including preventive measures and all parties are also try hard to take preventive measures from this disease so that it can be avoided and stopped. The role taken by all parties is also in line with the teachings of Islam in dealing with the Covid 19 epidemic.*

Keywords: *Covid 19, Islam, Parties, Measures, Prevention*

Pendahuluan

Sumber Islam ialah sumber yang syumul yang memberi panduan kehidupan buat manusia dalam semua aspek termasuk juga dalam aspek kesihatan seperti dalam mendepani penyakit Covid 19 (Shafiza&Zulkifli. 2020). Wabak Covid-19 mula dikenalpasti di daerah Hubei, China pada Disember 2019 dan telah menjadi pandemik yang menular secara berlanjutan ke 224 buah negara di seluruh dunia (WHO, 2021). Sehingga April 2021, seluruh dunia mencatatkan sebanyak 148 juta kes positif Covid 19 dengan melebihi 3 juta kematian (WHO, 2021). Justeru, Organisasi Kesihatan Dunia (WHO) menasihati semua negara yang terjejas untuk melaksana lockdown atau sekatan pergerakan. Sekurang-kurangnya 50 buah negara seluruh dunia melaksanakan perintah kawalan pergerakan sama ada secara menyeluruh atau sebahagian (WHO, 2021), termasuklah Malaysia.

Pada 25 Januari 2020 Malaysia mengumumkan kes COVID-19 pertamanya yang melibatkan tiga pelancong China yang masuk ke Malaysia melalui Johor dari Singapura. Dengan situasi yang demikian, kerajaan Malaysia telah memutuskan menggunakan strategi PKP pada 18 Mac 2020. Perintah itu termasuk larangan umum pergerakan orang ramai dan perhimpunan di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Banyak acara telah dibatalkan kerana wabak COVID-19 (YLM, 2020). Ianya bukanlah sesuatu yang mudah malah memerlukan orang ramai dan organisasi untuk bekerjasama dalam menjayakan mekanisme tersebut.

Dalam kajian Siti Khatijah Yasin et. al, (2021) menyatakan bahawa seseorang pemimpin juga menghadapi cabaran yang besar dengan berlakunya penyakit Covid 19 ini dan pelbagai pihak dalam sesebuah negara juga tidak terlepas untuk sama-sama membendungnya dengan memberi komitmen yang baik. Lantaran itu, kajian lanjut dijalankan untuk melihat sejauh mana perkara ini dititiberatkan bagi menangani penyakit Covid 19 sebagaimana yang disarankan oleh agama Islam.

Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu pertama, menjelaskan cara-cara pencegahan yang diambil oleh negara Malaysia dan pelbagai pihak terhadap wabak COVID-19 yang telah menyebabkan banyak kematian. Manakala objektif kedua pula ialah menghurai peranan semua

pihak dalam menangani masalah ini menurut perspektif Islam dan objektif terakhir ialah mengenalpasti keselarian panduan ajaran Islam dengan peranan semua pihak dalam menghadapi wabak Covid 19.

Metodologi

Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif dengan menggunakan metode pengumpulan data melalui kepustakaan manakala analisis dokumen digunakan bagi metode analisis data. Dalil-dalil pencegahan diambil dari sumber utama rujukan Islam seperti Al-Quran, Al-Hadith dan sebagainya bagi melihat kesepaduan antara langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh manusia sebagaimana yang dianjurkan Islam.

Langkah Pencegahan Covid 19 Menurut Perspektif Islam dan Kesepaduan Peranan Yang Dimainkan Oleh Semua Pihak Dalam Menanganinya

Individu

Di antara sebahagian usaha yang dilakukan untuk mencegah jangkitan Covid-19 ialah dengan mengamalkan standard of procedure (SOP) yang telah terbukti dapat mencegah atau sekurang-kurangnya mengurangkan kadar jangkitan seperti mengamalkan penjarakan sosial yang selamat iaitu sekurang-kurangnya 1 meter, kerap membersihkan tangan dengan menggunakan air dan sabun, menggunakan pembersih tangan, sentiasa menggunakan pelitup muka dan mengadakan pemeriksaan kesihatan melalui sistem *mysejahtera* di setiap pintu masuk premis (Abdullah, 2020). Di samping itu, kumpulan yang lebih berisiko tinggi untuk dijangkiti Covid-19 seperti warga emas, bayi, kanak-kanak dan orang kelainan upaya perlu diberi keutamaan di dalam usaha untuk mencegah jangkitan Covid-19. Selain itu, individu yang tidak sihat dan mempunyai gejala jangkitan seperti, demam, sakit tekak, pening dan batuk perlulah menjalani pemeriksaan perubatan segera, untuk memastikan individu tersebut bebas daripada jangkitan ataupun terus mendapatkan rawatan yang sepatutnya sekiranya individu tersebut telah mendapat jangkitan Covid-19 (Abdullah, 2020).

Masyarakat

Selain itu, masyarakat juga tidak terkecuali dengan mengambil langkah-langkah pencegahan apabila berada di tempat kemudahan awam. Contohnya, penumpang-penumpang yang menaiki kenderaan awam perlu mengamalkan SOP penjarakan sosial dan memakai pelitup muka semasa menggunakan perkhidmatan kenderaan awam.

Selain daripada langkah-langkah pencegahan secara individu seperti yang telah dirumuskan oleh Abdullah (2020) berdasarkan cadangan daripada World Health Organisation (WHO), masyarakat juga perlu memainkan peranan secara kolektif untuk mencegah wabak ini daripada terus menular. Di antaranya ialah menjaga kebersihan setelah menggunakan kemudahan awam. contohnya mencuci tangan dengan sabun atau antiseptik setelah menggunakan perkhidmatan Rehat dan Rawat (R&R). Selain itu, masyarakat juga perlu menerapkan etika batuk dan bersin secara betul, seperti memakai pelitup muka semasa sedang batuk atau bersin. Semasa menghadiri majlis keramaian, masyarakat juga perlu berdisiplin dalam menjaga jarak sosial. Paling penting, masyarakat perlu memahami tentang virus Covid-19 dan perlu faham dan sedar akan SOP pencegahan serta tindakan yang perlu dibuat sekiranya mereka dijangkiti virus ini. (Nurul Adilah Hasbullah & Asmak Ab Rahman, 2020).

Selain daripada individu secara khususnya, masyarakat secara amnya juga perlu bersama-sama berganding bahu dengan barisan hadapan bagi memutuskan rantaian wabak ini dengan sentiasa

mematuhi setiap SOP yang telah digariskan oleh Kementerian Kerajaan Malaysia (KKM), melakukan ujian saringan untuk mengesan jangkitan dan mengamalkan gaya hidup yang sihat

(Setiyawan Gunardi, 2020). Walaubagaimanapun, jika individu ataupun masyarakat dijangkiti penyakit ini mereka disarankan berusaha mendapatkan rawatan yang sewajarnya di samping memanjatkan doa kepada Allah SWT untuk kesembuhan mereka. Bagi mereka yang mempunyai gejala ataupun simptom Covid-19, mereka perlu bersegera di dalam mendapatkan bantuan perubatan, berdoa memohon pertolongan daripada Allah, meminta orang lain supaya turut mendoakan mereka, memberi sedekah dengan seikhlas hati dengan harapan agar Allah SWT menyembuhkan mereka, sentiasa optimis dan tidak berputus asa memohon rahmat Allah. (JAKIM, 2020: 11)

Sebagai seorang muslim, kita diperintahkan oleh Allah SWT agar berusaha sebaik mungkin di dalam melakukan perkara-perkara kebaikan dan juga menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang boleh memudaratkan kita. Bila dikaitkan dengan wabak Covid-19 ini, kita hendaklah dengan sedaya upaya menghindari wabak penyakit ini termasuklah menghindari daripada mengambil risiko untuk menghindari bahaya yang lebih besar. Setiap muslim itu tidak dibenarkan untuk memasuki kawasan wabak dan bagi penduduk yang telah berada di dalam kawasan wabak tersebut pula hendaklah mereka tidak keluar daripada tempat tersebut. Hal ini telah disentuh di dalam Hadis yang telah diriwayatkan oleh Sa'd Ibn Abi Waqqash R.A beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: Apabila kamu mendengar bahawa taun menimpa sesuatu tempat maka janganlah kamu masuk ke dalam kawasan tersebut. Dan apabila kamu berada di dalam kawasan yang terdapat padanya taun, janganlah kamu keluar daripadanya.

Merujuk kepada Hadis di atas, dapat diketahui bahawa Rasulullah SAW secara tidak langsung telah menggariskan beberapa langkah-langkah pencegahan yang boleh diambil sebelum dan selepas seseorang itu terlibat dengan penyakit berjangkit. Di antaranya ialah, apabila seseorang telah mengetahui bahawa penyebaran wabak telah berlaku di suatu tempat tertentu, maka tidak diharuskan untuk mereka berpergian ke tempat tersebut bagi mengelakkan daripada turut dijangkiti wabak tersebut. manakala, sekiranya seseorang telah berada di dalam kawasan yang telah dijangkiti wabak, maka mereka tidak seharusnya keluar dari kawasan tersebut agar wabak tersebut dapat dicegah daripada turut menjangkiti orang lain (JAKIM, 2020: 24).

Selain daripada kaedah di atas, Islam juga telah menggariskan kaedah pencegahan agar tidak bersentuhan dengan si pesakit. Kaedah ini telah dipraktikkan dalam dunia perubatan moden pada hari ini di dalam usaha mencegah jangkitan Covid-19 ini. Kaedah ini sebenarnya telahpun dipraktikkan pada zaman Rasulullah SAW lagi. Pada zaman Nabi Muhammad SAW di mana Baginda didatangi sekumpulan orang dari kalangan Bani Thaqif yang datang untuk berba'iah dan salah seorang daripada mereka dijangkiti penyakit berjangkit lalu Nabi Muhammad SAW tidak bersentuhan dengannya dan mengutuskannya serta bersabda: "Sesungguhnya kami telah menerima ba'iah kamu, maka pulanglah."

Hadis ini menjelaskan bahawa apabila sesuatu penyakit merbahaya yang mudah merebak melanda satu kawasan atau lebih terkenal dalam istilah perubatan sebagai kuarantin, maka kita hendaklah berdiam diri di dalam kediaman dan tidak kemana-mana bagi mengelak mudarat yang lebih besar. Maka dengan sebab inilah jika ada yang dijangkiti dengan penyakit tersebut maka tidak boleh bersentuhan dengannya. Ini kerana ia menjadi punca penyebaran wabak.

Justeru bagi mengelakkan penyebaran wabak ini secara lebih meluas maka sesetengah tempat seperti lapangan terbang, institusi kerajaan, dan institusi pendidikan di ubah cara pengoperasiannya dengan meminimumkan perkumpulan dan aktiviti yang melibatkan keramaian.

Kerajaan

Malaysia mengumumkan kes jangkitan COVID-19 pertamanya pada 25 Januari 2020 yang melibatkan tiga pelancong China yang memasuki Malaysia melalui Johor dari Singapura. Dengan situasi yang demikian, kerajaan Malaysia telah menggunakan strategi PKP pada 18 Mac 2020. Perintah itu termasuk larangan umum pergerakan orang ramai dan perhimpunan di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Kesannya, pelbagai acara yang dirancang telah terpaksa dibatalkan dan semua rakyat digesa untuk dapat segera menyesuaikan diri dengan norma kehidupan baru dalam menangani wabak ini (YLM, 2020). Wabak COVID-19 mudah tersebar melalui titisan cecair dari hidung dan mulut individu yang dijangkiti dan ianya boleh membawa kematian sekiranya pesakit tidak mendapatkan rawatan awal. Oleh itu, dalam usaha melindungi rakyat, kerajaan memerintahkan pelaksanaan PKP yang dijangka mampu memutuskan rantaian penyebarannya (Setiyawan Gunardi, 2020).

Antara strategi yang digunakan dalam PKP ini melibatkan sekatan pergerakan kepada orang awam. Namun begitu, perkhidmatan penting seperti penjagaan kesihatan, logistik, rantaian bekalan makanan dan perbankan yang dibenarkan untuk beroperasi bagi memastikan kelangsungan kehidupan rakyat dijagai. Dalam pada itu, impak positif kepada alam sekitar seperti peningkatan mendadak kualiti udara di kawasan bandar dapat diperhatikan (Nadzir et al., 2020).

Atas kesedaran tentang peripentingnya pendokumentasian yang bagus, satu set dokumen berkenaan Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di Kawasan Tempatan yang Terinfeksi) 2020 telah diwartakan, bersama dengan garis panduan. Ianya juga diperkukuhkan lagi dengan penglibatan pelbagai kementerian dalam menyalurkan maklumat yang mudah difahami seperti penyediaan set Soalan Lazim. Ianya disediakan bagi membantu orang ramai dalam mendapatkan penjelasan lebih lanjut tentang pelbagai isu seperti sektor-sektor yang terjejas akibat PKP (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri). (Appendix 1 of Frequently Asked Questions (FAQ) On Movement Control Order No. 3 issued by the Ministry of International Trade and Industry – appears in Peter Godwin, 2020 citation).

Pada 16 Mac 2020 jam 10:00 malam Waktu Malaysia, Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin memberi ucapan secara langsung di televisyen dan secara rasmi menyatakan PKP di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 (Tang, 2020).

Peranan pihak berwajib yang diarahkan oleh kerajaan di waktu penyakit berjangkit melanda adalah baik untuk didengar dan taat kepada arahan pemimpin selagi mana ia tidak menyalahi syarak untuk kemaslahatan bersama. Menurut JAKIM (2020) majoriti negara mengambil langkah pencegahan sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam dengan menutup pintu sempadan negara, memberhentikan dan menanggukuhkan penerbangan, menanggukuhkan pengajian, mengenakan kuarantin, menghalang perhimpunan awam, sehingga menutup semua masjid, menghalang semua faktor yang membawa kepada penularan penyakit, kesemuanya adalah demi

keselamatan dan ia juga selaras dengan nasihat pakar perubatan bagi mengekang penularan wabak Covid 19 ini (Shafiza&Zulkifli, 2020).

Ini seiring dengan dalil Al-Quran menerusi surah al-Nahl ayat 43:

Maksudnya: Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui.

Pelbagai kakitangan kerajaan terlibat sebagaimana berikut:

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia

Menurut Ain Umaira (2020), kerajaan Malaysia telah membantu memperkukuh dan memperkasa peranan KKM dalam memerangi wabak ini dengan menyalurkan peruntukan kewangan yang tinggi. Dana ini antaranya digunakan dalam memperbaiki dan menyediakan fasiliti perubatan yang mencukupi seperti membina hospital sementara dan penambahan makmal.

Selain itu, KKM memainkan peranan penting dalam memastikan kesediaan maksimum untuk mencegah penyebaran virus. Usaha awal yang diambil oleh KKM untuk mencegah penularan penyakit adalah pelaksanaan pemeriksaan kesihatan di semua pintu masuk negara. Menurut Ketua Pengarah KKM Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, salah satu strategi adalah penempatan alat pengimbas haba (Bernama, 2020) bagi mengenalpasti individu yang menunjukkan gejala demam. Dalam masa yang sama, rakyat Malaysia yang kembali dari Wuhan disaring, dikenal pasti, dan diasingkan di kawasan kuarantin khas untuk Covid-19. Tindakan ini juga melibatkan kakitangan syarikat penerbangan serta KKM (WHOa, 2020).

Langkah utama berikutnya yang diambil oleh KKM bersama dengan kerajaan untuk mengatasi penyebaran Covid-19 adalah dengan meningkatkan jumlah hospital yang dapat merawat kes Covid-19. Inisiatif yang signifikan adalah melalui penglibatan dari hospital bukan milik KKM seperti hospital universiti, hospital Angkatan Tentera Malaysia dan hospital swasta. Ini bagi menampung jumlah pesakit yang semakin meningkat yang dalam masa yang sama menjamin kesihatan pesakit bukan Covid-19. Usaha ini mendapat sokongan padu dari 38 pertubuhan perubatan professional dengan terbentuknya satu gabungan yang ditubuhkan pada 1 Mac 2020 bagi menyokong KKM dalam bidang penjagaan kesihatan (Health Coalition Malaysia, 2020). Antara usaha agresif oleh gabungan ini adalah memastikan hanya maklumat yang jelas, benar dan tepat dapat disalurkan kepada masyarakat.

Ketua Pengarah KKM menekankan bahawa perintah yang dikuatkuasakan itu berada di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 dan akan membantu mengawal penyebaran virus. Langkah ini penting, kerana situasi di China telah membuktikan bahawa dengan mengasingkan kumpulan individu yang dijangkiti dan menjaga penjarakan sosial, pandemik akan dapat dibendung.

Seterusnya, ajaran Islam juga menganjurkan agar mendapatkan rawatan sekiranya didapati mempunyai simptom penyakit atau wabak. Berubat sekiranya dijangkiti penyakit ini merupakan perkara yang disyariatkan, dan hukumnya adalah mustahab (sangat dituntut) dan perkara ini dalam beberapa keadaan boleh dijatuhkan hukum wajib. Perkara ini adalah berasaskan kepada dalil berikut:

Maksudnya: Berubatlah kamu, sesungguhnya Allah SWT tidak menurunkan suatu penyakit melainkan diturunkan juga ubatnya melainkan satu penyakit sahaja, iaitu ketuaan. (Hadis Riwayat Abu Daud).

PKP yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia merupakan langkah strategi yang inovatif dalam mencegah penularan wabak Covid-19. Oleh itu, KKM mengambil bahagian dari aspek kesihatan dan menunjukkan kepada amalan kaedah menjaga nyawa/jiwa (*Hifz al-Nafs*) yang menjadi salah satu *Daruriyyat* di bawah perbincangan masalah (Setiyawan, 2019). *Daruriyyat* merupakan keperluan asasi dan mendesak yang perlu diambil untuk menjalani kehidupan (Al-Zuhaili, 1417H/1996), yang diantaranya adalah *Hifz al-Nafs*. Penjagaan kesihatan merupakan *Hifz al-Nafs* yang perlu diutamakan bagi melindungi kehidupan agar tidak terdedah dengan jangkitan penyakit yang memberbahaya. Hal ini, juga merupakan bahagian daripada *Maqasid Syariah* yang telahpun disepakati oleh para Jumhur Fuqaha (Setiyawan Gunardi, 2020).

Syariah Islam mempunyai keistimewaan dengan mengambil perhatian terhadap *Hifz al-Nafz*. Allah berfirman dalam surah al-Nisa 4: 29:

Maksudnya: “*Janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu. Ayat ini menjelaskan penjagaan nyawa dan jiwa daripada perkara yang membawa kepada kemudaratan, kebinasaan dan kerosakan* (<https://www.dorar.net/tafseer/4/10>, n.d.).

Dalam hadith, daripada Thabit ibn al-Dahak RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: *Sesiapa yang membunuh diri sendiri dengan sesuatu benda (pedang), pasti mendapat azab pada hari kiamat*”. (HR Bukhari no. 6047). Hadith ini juga memperkukuh ayat al-Quran surah al-Nisa 4: 29 akan perlunya *Hifz al-Nafz*.

Selain itu, program pemberian vaksin peringkat kebangsaan dilakukan secara agresif. Menurut World Health Organization (WHO), vaksin adalah persediaan biologi yang meningkatkan imuniti badan manusia kepada penyakit tertentu. Vaksin biasanya mengandungi “agen” yang menyerupai mikroorganisma penyebab penyakit, dan biasanya diperbuat daripada “mikrob” (virus atau bakteria) yang telah dilemahkan mahupun mati atau hasil-hasil permurniannya (protein, peptida, partikel serupa virus dan sebagainya). “Agen” ini akan merangsang sistem imun badan untuk mengenali patogen-patogen asing, memusnahkannya, dan “mengingati”nya, supaya sistem imun dapat mengenali dan memusnahkan mana-mana mikroorganisma yang dijumpai kemudiannya (World Health Organization, 2018)

Di dalam Islam sangat menganjurkan pencegahan sesuatu penyakit menggunakan kaedah perubatan yang halal di sisi Allah SWT dan sama sekali melarang kaedah perubatan yang menggunakan benda yang haram serta memudaratkan sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ummu Darda’, daripada Abu Darda’, dia berkata: Rasulullah SAW. bersabda yang maksudnya:

“Sesungguhnya Allah S.W.T. menurunkan penyakit berserta ubatnya dan menciptakan penawar untuk setiap penyakit, maka berubatlah. Tetapi jangan berubat dengan yang haram (Abdul Aziz 1999: 1507)”.

Dalam hal ini, Islam tidak mengambil jalan mudah tetapi selagimana ia berfungsi sebagai pencegahan dan tidak memudaratkan serta tiada dalil yang mengharamkannya, ia masih lagi boleh diterima berdasarkan kaedah fiqh iaitu ‘al-aslu fi al-ashya’ al-ibahah’ iaitu asal segala

sesuatu yang diciptakan oleh Allah adalah ‘halal’ dan boleh dipakai melainkan jika ada nas yang sahih dan jelas daripada syariat yang menetapkan pengharamannya.

Daripada Salman al-Farisi, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Yang halal itu ialah sesuatu yang dihalalkan Allah di dalam KitabNya, dan yang haram pula ialah sesuatu yang diharamkan Allah di dalam KitabNya. Dan mana-mana yang didiamkanNya sahaja, maka itu termasuk apa yang dimaafkan buat kamu (Abdul Aziz 1999: 2680)”.

Rasulullah SAW. bersabda lagi yang bermaksud: “Yang halal itu sudah jelas, dan yang haram pun sudah jelas. Dan di antara keduanya itu ada beberapa perkara yang masih samar-samar, tidak ramai orang yang mengetahuinya, adakah ia dari yang halal ataupun ia dari yang haram? Maka barang siapa yang meninggalkan yang syubhatitu kerana hendak membersihkan agamanya dan kehormatannya, maka selamatlah ia. Dan barangsiapa yang mengerjakan sesuatu dari yang samar-samar itu, maka akan hampir-hampir ia terjatuh ke dalam yang haram. Sebagaimana orang yang mengembala (binatang ternakan) di tempat larangan, dia mungkin akan terjerumus ke dalamnya. Ingatlah, bahawa bagi setiap raja ada tempat larangannya, dan bahawa tempat larangan Allah adalah semua perkara yang diharamkanNya (Abdul Aziz 1999; al-Bukhari2003)”.

Pihak Keselamatan Negara

Polis, Tentera dan Agensi Penguatkuasaan

Polis Diraja Malaysia dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasa perintah kawalan pergerakan dengan melaksana sekatan jalan raya dan pemantauan pematuhan prosedur operasi standard. Namun begitu kesukaran untuk mengawal situasi ini, anggota Angkatan Tentera Malaysia turut dikerah untuk membantu pihak polis menguatkuasa perintah kawalan pergerakan. Mereka saling berganding bahu dalam memastikan negara berada di tahap yang baik dan terkawal walau pelbagai cabaran terpaksa ditempuhi. Cabaran yang dihadapi semasa tempoh ini bukan hanya tertumpu untuk mengawal pergerakan dan memelihara keselamatan orang awam, tetapi risiko kesihatan yang terjejas, masalah kesihatan mental, isu keganasan dan sokongan moral dalam kalangan pegawai dan anggota. Pegawai yang dilantik untuk memimpin misi ini turut berhadapan dengan cabaran seperti pengukuhan pasukan keselamatan itu sendiri dalam aspek pengagihan beban tugas kepada anggota dan kebajikan mereka. Namun begitu cabaran ini dapat dihadapi dengan baik sekali (Nazirah Hassan, Syahrezahelmy Mohd Razali & Mohd Suhaimi Mohamad, 2021).

Pada bulan Mac 2020, negara Malaysia telah mengadakan kawalan pergerakan disebabkan oleh peningkatan kes positif Covid 19 yang tidak terkawal. Sehingga kini, terdapat beberapa peringkat perlaksanaan kawalan pergerakan yang telah digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), termasuklah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPD). Setiap peringkat kawalan pergerakan mempunyai prosedur operasi standard tertentu yang telah ditetapkan seperti pemakaian pelitup muka, penjarakkan fizikal, penutupan sementara perniagaan dan sekatan rentas daerah atau negeri. Bagi melaksanakan perintah kawalan pergerakan tersebut, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah diberi kuasa di bawah Seksyen 3 Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit untuk mengawal pergerakan orang awam di seluruh negara (Akta 342). Perlaksanaan kawalan ini

termasuklah tugas melaksana rondaan dan pemantauan di kawasan perumahan dan premis perniagaan, serta sekatan jalan raya di lokasi-lokasi yang ditetapkan, terutama di laluan keluar masuk antara daerah dan negeri. Selain itu, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) juga turut dikerah bagi membantu pihak polis dalam usaha mengawal pergerakan orang awam. Walaupun begitu sikap sesetengah orang awam yang ingkar dengan arahan merumitkan keadaan (Nazirah Hassan, Syahrezahelmy Mohd Razali & Mohd Suhaimi Mohamad, 2021).

Di sisi lain pula, sebahagian besar masyarakat Malaysia sangat berterima kasih dengan pengorbanan yang diberikan oleh pasukan keselamatan yang bertugas tidak mengira masa sepanjang penguatkuasaan dilaksanakan dan dalam pelbagai fasa dan kategori PKP bermula Mac 2021 hingga kini. Slogan yang popular "Kita jaga kita" yang kerap diungkap dan dipaparkan dalam pelbagai media setiap hari. Slogan tersebut mempunyai maksud supaya masyarakat Malaysia bersatu padu menyokong peranan dan tugas pihak barisan hadapan ini dalam usaha memutuskan rangkaian wabak Covid19. Sebagai contoh, sebuah hospital swasta iaitu Hospital Columbia Asia-Tebrau, Johor Bahru telah mengabdikan mural gergasi slogan tersebut pada bangunannya. Kini negara Malaysia telah melalui fasa endemik yang bermula akhir Oktober 2021 dan kebenaran merentas negeri diberikan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dan pematuhan kepada SOP juga diutamakan. Oleh itu, masyarakat Malaysia sendiri bertanggungjawab mengambil peranan yang sama seperti dipertanggungjawabkan kepada barisan hadapan demi kebaikan bersama (Sinar Harian, 15 February 2021).

Jabatan Agama - Ianya seperti JAKIM, Pejabat Mufti dan sebagainya

JAKIM

(JAKIM (2020: 6) ada memberi panduan bagi pencegahan daripada penyakit Covid 19 ini dengan mengamalkan perlindungan diri yang betul dan baik iaitu dengan kekal berada di rumah melainkan jika mempunyai keperluan yang menuntut untuk keluar rumah. Perancangan yang rapi diperlukan agar dapat dapat membeli barang dengan secukupnya bagi mengelak kerap keluar dari rumah.

Ini sejajar dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: Keselamatan bagi seseorang itu pada zaman fitnah (terutama penyakit berjangkit) ialah bahawa dia menempatkan diri di dalam rumahnya. (Sahih al-Jami' al-Soghir: 3649).

Ketua Pengarah JAKIM (2020: 3) juga turut mengingatkan kepada kita bahawa penularan pandemik dunia Covid 19 ini memerlukan kepada kaedah pencegahan yang seiring dengan tuntutan syarak. Justeru semua orang haruslah berhati-hati dan menjaga diri masing-masing dari dijangkiti wabak merbahaya ini. Ia juga selari dengan prinsip Islam yang menekankan pencegahan adalah lebih baik daripada merawat. Langkah-langkah pencegahan dengan membendung penyakit ini adalah lebih diutamakan sebelum ia merebak dengan lebih teruk lagi dan tidak terkawal. Hal ini juga seiring dengan pendapat Dr Ahmad Nasir Mohd Yusoff (2020) yang menyatakan bahawa maqasid syariah yang menekankan keselamatan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Dalam situasi pandemik Covid 19 ini, memelihara nyawa (hifz an-nafs) amat bersangkutan antara satu sama lain. Situasi ini semakin getir apabila statistik kematian semakin bertambah dan pesakit ini juga bertambah dari semasa ke semasa. Justeru masyarakat seharusnya memahami prinsip memelihara nyawa itu sangat penting, mustahak dan perlu diutamakan dalam menghadapi penyakit pandemik Covid 19 ini.

Justeru itu, kerjasama antara pemerintah dan rakyat memainkan peranan penting bagi memastikan penularan wabak ini dapat di atasi. Dalil-dalil yang didatangkan perlu dihayati maknanya dan diambil ibrah daripadanya sebagai rujukan dan panduan dalam mendepani isu-isu kesihatan pada masa kini. Para fuqaha' juga telah mengeluarkan hukum syarie yang jelas melalui pengeluaran hukum- hakam yang melibatkan isu wabak terutama berkenaan Langkah pencegahan yang perlu diambil dalam menghadapi virus berbahaya Covid 19 ini (Shafiza&Zulkifli. 2020).

Kementerian Pendidikan Malaysia/ Kementerian Pengajian Tinggi

Kementerian Pengajian Tinggi (SOP kawal penyebaran C19)

KPT juga telah memperkenalkan beberapa SOP untuk mengawal dan mencegah penyebaran Covid 19 dalam insitisi pendidikan tinggi Malaysia. Langkah keselamatan ini di adaptasi dari grais panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebagai badan utama yang menyelaraskan usaha mengawal penularan Covid 19 dalam negara.

KPT telah berusaha untuk mengelakkan kontak pelajar IPT dengan massa atau masyarakat di beberapa situasi. Pada situasi pertama, KPT telah berperanan dalam menyusun pergerakan pelajar pergi dan kembali dari kampus masing-masing. Pergerakan pelajar disusun agar pelajar tidak menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam untuk mengelakkan pelajar dari terdedah kepada risiko jangkitan virus.

Pada situasi ke 2, keberadaan pelajar di dalam kampus juga dikawal dari kontak luar agar komuniti 'belon' kampus tidak terdedah jangkitan luar. Pelajar di dalam kampus disediakan dengan pelbagai kemudahan asas bagi membolehkan pelajar meneruskan pengajian mereka seperti biasa. Penyedia kemudahan makanan, dobi, khidmat penghantaran, semuanya dilakukan secara tertutup dan dikawal tahap kesihatan mereka. Proses pembelajaran pula dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya. Pemuliharaan komuniti 'belon' ini telah berjaya mengawal penyebaran dalam komuniti kampus.

Pada situasi ke 3, pelajar yang memerlukan rawatan kesihatan di hospital telah diasingkan sepenuhnya dari terdedah kepada kenderaan awam dan massa atau masyarakat. Pelajar akan dihantar dengan menggunakan kenderaan universiti, dirawat di hospital dengan temujanji khas dan dibawa pulang ke kampus setelah selesai menyempurnakan temujanji dengan pihak hospital.

Komuniti warga dalam universiti juga diminta untuk mengurangkan kontak sesama staf dengan mengurangkan jumlah yang datang bekerja di pejabat. Polisi 'Bekerja Dari Rumah' (BDR) telah diamalkan dan ia memerlukan staf meningkatkan skil ICT mereka dan meluaskan skop kerja masing-masing. Staf yang bekerja dari pejabat dikehendaki memakai pelitup muka dan mengamalkan SOP sepenuhnya. Pengamalan SOP ketat disemua peringkat operasi dalam institusi pengajian tinggi telah berjaya mengurangkan kadar penyebaran virus Covid 19 di dalam kampus (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2020).

Selain itu para pelajar juga dikehendaki mengambil suntikan vaksin sebelum datang ke kampus sebagai salah satu usaha untuk melindungi dari terkena jangkitan atau jangkitan yang lebih teruk, mencegah penularan Covid 19 dan bertujuan menguatkan juga sistem imuniti atau pertahanan badan (Bernama, 2021).

Kesimpulan

Penyakit Covid 19 ini telah menduga manusia dengan pelbagai ujian hidup. Oleh itu, dalil-dalil yang didatangkan perlu dihayati maknanya dan diambil ibrah daripadanya sebagai rujukan dan panduan dalam mendepani isu-isu kesihatan pada masa kini. Di samping itu peranan pelbagai pihak juga diperlukan dalam mendepani wabak Covid 19 ini agar ianya berjaya di atasi seterusnya manusia kembali hidup seperti biasa. Tanpa kerjasama yang utuh dan kesedaran disiplin yang tinggi pastinya menyukarkan untuk mengelak wabak ini dari terus terjadi. Justeru peranan pelbagai pihak dalam usaha menangani wabak ini dari terus tersebar seharusnya dipuji dan langkah yang diambil juga seiring dengan saranan Islam dalam mendepani penyakit merbahaya.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim

Abdullah, N. H. (2020). Kenyataan Akhbar PKP Covid-19 Malaysia 2020. (pp. 1-6). Malaysia: Kementerian Kesihatan Malaysia.

Abdul Aziz, Soleh. 1999. Kutub al-Sittah. al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi‘.

Ain Umaira, M. S. (2020). COVID-19 Outbreak in Malaysia: Action Taken by The Malaysian Government. *International Journal of Infectious Diseases*, 108-116.

al-Bukhari, Abu ‘Abd Allah Muhammad Isma‘il. 2003. Sahih al-Bukhari. al-Qahirah: Maktabat al-Saffa.

Arahan Pentadbiran Ketua Setiausaha Bilangan 4 Tahun 2020. Arahan Bekerja dari Rumah (BDR) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi Warga Kementerian Pengajian Tinggi. Kementerian Pendidikan Tinggi. 21 Oktober 2020

<http://www.myhealth.gov.my/vaksin-apakah-yang-berlaku-dalam-badan-anda>

Bernama. 2021. *Penjelasan vaksin COVID-19 perlu disampaikan kepada pelajar*. Astro Awani. 28 September

Dr Ahmad Nasir Mohd Yusoff dalam Berita Harian. 2020. *Maqasid Syariah Jadi Panduan Cegah Penularan Wabak*. 24 April

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2020). *Tips Menghadapi COVID 19: Panduan Menurut Perspektif Islam*. JAKIM: Putrajaya.

Kementerian Pendidikan Tinggi Dalam Berita Harian. Rafidah Mat Ruzki. 2020. *Kementerian Pendidikan Muat Naik SOP Operasi Sekolah*. 1 Oktober.

Kementerian Pendidikan Tinggi Dalam Berita Harian. Muhammad Yusri Muzamir. 2021. *KPT timbang longgarkan SOP operasi IPT*. 9 November.

Nadzir, M. S. (2020). The Impact of Movement Control Order (MCO) During Pandemic COVID-19 on Local Air Quality in an Urban Area of Klang Valley, Malaysia. *COVID-19 Aerosol Drivers, Impacts and Mitigation Volume 20*, 1-6.

Nazirah Hassan, Syahrezahelmy Mohd Razali & Mohd Suhaimi Mohamad. 2021. *Cabaran Polis Dan Tentera Mendepani Pandemik Covid-19*. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Faculty of Social Sciences and Humanities, UKM: Bangi. Vol. 18. No.3 (2021). 241-252.

Nurul Adilah Hasbullah & Asmak Ab Rahman. (2020). *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, Vol. 17, Special Issues 2020, 71-89.

Peter Godwin, R. P. (2020). COVID-19: Governance: Impact of Malaysia's Movement Control Order on Your Business (Malaysia).

Setiyawan Gunardi .2020. *Pencegahan Penyebaran Pandemik Covid-19 Melalui Peranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Dalam Masa Perintah Kawalan Pergerakan (Pkp) Berasaskan Hifz Al-Nafs Di Malaysia*. E-Proceeding: Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS 2020), Universiti Sains Islam Malaysia.

- Shafiza Safie&Zulkifli Mohamed. 2020. *Pencegahan Penyakit Berjangkit (Covid 19), Kesan dan Hikmahnya Menurut Perspektif Islam*. Jurnal al-Turath; Vol. 5, No. 2.
<https://www.sinarharian.com.my/article/166262/KHAS/Covid-19/83-peratus-pelajar-IPT-lengkap-dos-vaksin>
- Siti Khatijah Yasin, Fadzli Adam, Nik Anis Suhailah Nik Mohd, Siti Rokiah Ab Rahman, Nurhazilah Mamat, Mohd Hazlami Jusoh. (2021). *Peranan Kepimpinan Negara Dalam Era Pandemik Covid -19 Di Malaysia*. QALAM International Journal of Islamic and Humanities Resource. Vol. 1, No.2.
- Slogan 'Kita jaga kita' hiasi mural hargai jasa 'frontliners'. (2021, February 15). *Sinar Harian. Edisi Johor*. <https://www.sinarharian.com.my/article/123946/EDISI/Johor/Slogan-Kita-jaga->
- Tang, A. (16 March, 2020). *The Star*. Retrieved from Malaysia Announces Movement Control Order After Spike in COVID-19 Cases: <https://www.thestar.com.my/>
- World Health Organization. 2018. Health topics: Vaccine. www.who.int/topics/vaccines/en.html. 12 February 2018.
- WHO (2020). *World Health Organization*. Retrieved from Coronavirus: https://www.who.int/health-topic/coronavirus#tab=tab_1
- WHOa. (31 March, 2020). *Coronavirus Disease 2019 (COVID019) Situation Report*. Retrieved from World Health Organization: <https://www.who.int>
- World Health Organization. (2021). WHO Coronavirus (COVID-19) dashboard. Diakses daripada, <https://Covid19.who.int/>.
- YLM. (21 May, 2020). *Covid-19: What does the New Normal mean?* Retrieved from The Star: thestar.com.my